

Proton Waja pikat rakyat Malaysia

BH 10 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) menerima batus panggilan telefon daripada orang ramai yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai dua model terbaru Proton Waja yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam, semalam.

Jurucakap talian bebas EON berkata, kebanyakan mereka bertanyakan mengenai harga bagi kedua-dua model iaitu model 1.6 liter dan 1.8 liter selain tarikh tempahan yang akan mula dibuka.

“Sejak talian ini beroperasi pada jam 8.30 pagi hingga kini, kami tidak

putus-putus menerima panggilan telefon daripada orang ramai dari seluruh negara.

“Kebanyakan daripada mereka bertanyakan mengenai harga dan bila model itu boleh ditempah walaupun mereka hanya melihatnya menerusi media cetak dan elektronik saja.

“Selain itu ada juga diantara mereka yang turut berkunjung ke bilik pameran di ibu pejabat EON di Shah Alam kerana menyangka model itu ada dipamerkan,” katanya ketika dihubungi **Berita Harian**, semalam.

Bagaimanapun, jurucakap itu berkata orang ramai boleh melihat dengan lebih

dekat kedua-dua model itu di hadapan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) selain di Pusat Sains Kebangsaan dan di kilang Proton, Shah Alam, Selangor.

Beliau berkata, Talian Bebas Tol EON boleh dihubungi melalui nombor 1 800 883 003 bermula pada jam 8.30 pagi hingga 9malam.